

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 30 April, 2019 3:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI PEKERJA 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 APRIL 2019 / 24 SYAABAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



UUM ONLINE:

PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI PEKERJA 2019

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Hari Pekerja mula disambut di negara Malaysia setelah mantan Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, mengumumkan 1 Mei sebagai hari pelepasan am bagi pekerja pada awal tahun 1970-an. Pengumuman tersebut bukan sahaja mengiktiraf sumbangan pekerja terhadap organisasi, masyarakat dan negara, malah secara tidak langsung menunjukkan Malaysia turut bersetuju dengan keputusan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang meluluskan 1 Mei sebagai Hari Pekerja.

Pada tahun ini, Hari Pekerja disambut dengan membawa tema **"Pekerja Amanah, Aspirasi Negara"**. Tema yang dipilih bukan sahaja relevan untuk senario pada masa kini, malah mampu merentas zaman - bak kata pepatah 'Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas'. Hakikatnya, pekerja merupakan aset yang bernilai dalam merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju yang berdaya saing.

Kita sedia maklum bahawa 'amanah' menjadi asas penting dalam penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien, seperti yang diharapkan oleh pemegang taruh. 'Amanah' juga berkait rapat dengan pematuhan terhadap undang-undang, iaitu mematuhi segala peraturan dan piawaian yang diguna pakai. Oleh itu, marilah kita merenung kembali amanah besar yang mesti

kita tunaikan sebagai pekerja. Dalam konteks ini, secara umumnya tiada perbezaan bagi seorang yang berjawatan tinggi dengan seorang yang berjawatan rendah. Kita semua mestilah berusaha sedaya yang mungkin untuk menjadi pekerja yang cemerlang dan profesional dalam bidang masing-masing.

Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai sebuah universiti awam telah diberi kepercayaan untuk menghasilkan graduan yang akan menjadi pemimpin komuniti tempatan dan juga global. Pada masa yang sama, UUM turut menyokong dan melaksanakan pelbagai agenda kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pembangunan yang mampan. 'Ibarat menatang minyak yang penuh', setiap langkah yang diambil sudah dipertimbangkan dari setiap sudut. Pertimbangan yang berpaksikan sifat amanah akan melindungi dan membendung kita daripada terperangkap dalam pelbagai bentuk penyelewengan sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang, peralatan dan tenaga secara terserlah atau tersembunyi.

Dari sisi yang lain, perlu juga difahami bahawa sifat amanah akan mewujudkan kerja yang bermakna, iaitu hubungan peribadi yang mendalam antara pekerja dengan kerja yang dijalankan. Kerja yang bermakna akan menjadi pendorong untuk terus maju dan bergerak secara kreatif dan inovatif sekali gus memberi impak positif terhadap kesejahteraan dan prestasi pekerja.

Saya amat berharap agar warga kerja UUM menghayati akan tema Hari Pekerja 2019 dan membudayakan sifat amanah dalam melaksanakan tanggungjawab demi pembangunan agama, bangsa dan negara. Dengan imej warga kerja yang positif, saya percaya bahawa kita akan meningkatkan lagi tahap keyakinan pemegang taruh terhadap UUM. Semoga pelbagai kejayaan dan pencapaian akan kita peroleh di samping menjadi pusat rujukan dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan pengurusan. Insya-Allah

Selamat Menyambut Hari Pekerja 2019

Wabillahaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.